



**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

**NOTIS
TAWARAN SEBUT HARGA**

1. Penyebut Harga yang berpengalaman / berkeupayaan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dalam bidang berkenaan dan mempunyai Sijil Bertaraf Bumiputera serta mempunyai pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang **masih sah laku** dipelawa untuk menyertai Sebut Harga bagi Perkhidmatan Pembersihan di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor seperti berikut :

Bil.	Tajuk Sebut Harga	Syarat Penyertaan	Tarikh Dan Masa Tutup
1.	<p>PERKHIDMATAN MENCUCI, MEMBERSIH DAN MENYELENGGARA LANDSKAP DI BANGUNAN MAHKAMAH RENDAH SYARIAH PETALING BAGI TEMPOH DUA TAHUN</p> <p>No.Sebut harga : JAKESS/M&L/MRS-07/2020</p>	<p>Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan bertaraf Bumiputera Bawah Kod Bidang seperti berikut:-</p> <p>221001 (Pembersihan Bangunan Dan Pejabat) DAN 221002 (Membersih Kawasan)</p> <p>1.Syarikat yang berdaftar di Negeri Selangor dan Kuala Lumpur sahaja</p> <p>2.Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) serta masih sah berkuat kuasa dengan Kementerian Kewangan Malaysia dengan kod bidang yang berkaitan sahaja yang layak menyertai sebut harga ini.</p> <p>Hanya SEORANG pemilik ATAU penama syarikat sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak yang dijadualkan.</p>	<p>Tarikh Sebut Harga Diiklankan:</p> <p>10 September 2020 (Khamis)</p> <p>Tarikh Tutup dan Penghantaran Sebut Harga:</p> <p>17 September 2020 (Khamis) (12.00 Tengahari)</p>

2. Penyebut harga adalah tertakluk kepada Syarat dan Terma yang ditetapkan:

2.1 TAKLIMAT SEBUT HARGA

Setiap Penyebut harga (Pemilik atau Penama Sahaja) yang berminat menyertai sebut harga ini **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri Sesi Taklimat. Sesi taklimat tersebut akan dijalankan seperti butiran berikut:

Tarikh : 11 September 2020 (Jumaat)
Masa : 10.30 Pagi
Alamat : Mahkamah Rendah Syariah Petaling,
Jalan Bintang U5/33,
Seksyen U5, 40150,
Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
No. Tel : 011-56968095 - MRS Petaling
03-55191291 (1132) - Unit Perolehan

** Sila bawa cop syarikat, Sijil KKM berserta Kod Bidang, Sijil SSM dan Kad Pengenalan.*

PERHATIAN: Pendaftaran akan ditutup tepat jam 11.00 Pagi. Sebarang kelewatan tidak akan dilayan. Adalah menjadi tanggungjawab setiap penyebut harga bagi memastikan lokasi taklimat yang dihadiri betul bagi mengelakkan kesilapan lokasi dan kelewatan bagi menghadiri taklimat dan lawatan tapak mengikut jadual yang telah ditetapkan.

2.2 LAWATAN TAPAK SEBUT HARGA

Tarikh : 11 September 2020 (Jumaat)
Masa : 11.30 Pagi (Sejurus selepas taklimat berakhir)
Alamat : Mahkamah Rendah Syariah Petaling,
Jalan Bintang U5/33,
Seksyen U5, 40150,
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
No. Tel : 011-56968095 - MRS Petaling
03-55191291 (1132) - Unit Perolehan

2.3 PESANAN COVID-19:

2.3.1 Setiap Penyebut harga yang memilih untuk hadir secara fizikal ke Taklimat dikehendaki memastikan diri tidak bergejala atau golongan yang berisiko dijangkiti atau menjangkiti Covid-19.

2.3.2 Pihak Penyebut harga juga dikehendaki memakai topeng muka bagi menutup hidung dan mulut, sentiasa mengamalkan penjara sosial satu

meter yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan menjaga kebersihan dengan sentiasa membersihkan tangan menggunakan *hand sanitizer* sekurang-kurangnya sebelum dan selepas memasuki bilik taklimat. Sila bawa *hand sanitizer* sendiri sekiranya ada.

2.3.3 Pegawai JAKESS berhak meminta pihak Penyebut harga keluar daripada bilik taklimat sekiranya didapati tidak mematuhi kriteria yang dinyatakan.

3. Penyebut harga yang hadir dikehendaki dan mempamerkan sesalinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia dan Kod Bidang 221001–Pembersihan Bangunan dan Pejabat dan 221002–Membersih Kawasan dan mengemukakan kad pengenalan semasa pendaftaran taklimat bagi melayakkan diri menyertai sebut harga ini.
4. Dokumen Tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul yang berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor sebelum jam **12.00 Tengahari** pada tarikh yang ditetapkan seperti di atas.
5. Jabatan Kehakiman Syariah Selangor tidak akan menerima mana-mana tawaran yang lewat dan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang dikemukakan.

**KENYATAAN SEBUT HARGA
KOD SEBUT HARGA : JAKESS/M&L/MRS-07/2020**

Sebut harga adalah dipelawa kepada Penyebut harga-Penyebut harga yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **Kod Bidang 221001–Pembersihan Bangunan dan Pejabat dan Kod Bidang 221002 – Membersih Kawasan** dibenarkan menyertai sebut harga berikut:-

**PERKHIDMATAN MENCUCI, MEMBERSIH DAN MENYELENGGARA LANDSKAP DI
BANGUNAN MAHKAMAH RENDAH SYARIAH PETALING BAGI TEMPOH DUA TAHUN**

Dokumen Sebut harga boleh diperolehi secara dalam talian melalui laman sesawang <https://tender.selangor.my/> dengan harga RM10.00 dan bayaran boleh dibuat secara dalam talian bermula **11 September 2020 (Jumaat) sekurang-kurangnya tiga jam selepas lawatan tapak berakhir**. Adalah menjadi tanggungjawab setiap penyebut harga bagi memastikan akaun syarikat bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) aktif bagi mengelakkan kegagalan membeli Dokumen Sebut Harga.

Dokumen sebut harga boleh dimuat turun setelah penyebut harga menghadiri **Taklimat dan Lawatan Tapak** pada tarikh yang ditetapkan.

PERINGATAN:

- **HANYA SEORANG PEMILIK SIJIL SSM ATAU PENAMA SYARIKAT DI DALAM SIJIL KKM SAHAJA YANG DIBENARKAN MENGHADIRI SESI TAKLIMAT.**
- **WAKIL SYARIKAT TIDAK DIBENARKAN WALAUPUN DENGAN SURAT WAKIL KUASA**

- PENYEBUT HARGA JUGA DIKEHENDAKI MEMBAWA SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BERSERTA KOD BIDANG YANG BERKAITAN, SIJIL SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA DAN KAD PENGENALAN SECARA SEMASA PENDAFTARAN SEBAGAI BUKTI PENAMA ATAU PEMILIK SYARIKAT.
- PENYEBUT HARGA YANG GAGAL MENYERTAI SESI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK MENGIKUT MASA YANG DINYATAKAN TIDAK LAYAK MEMBELI DOKUMEN SEBUT HARGA.

Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah:

**UNIT PEROLEHAN,
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR,
ARAS 1, BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH SULTAN IDRIS SHAH,
PERSIARAN MASJID, SEKSYEN 5, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR**

Tarikh Tutup Penghantaran : **17 September 2020 (Khamis)**
Jam : **12.00 tengahari**

Pihak kerajaan tidak akan bertanggungjawab ke atas **sebarang kelewatan** atau kehilangan mana-mana sebut harga yang dikemukakan melalui pos.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi **Puan Turisinin (Unit Perolehan)** di talian **03-55191291 (1132)**. Sekiranya menghubungi untuk pertanyaan, sila sebutkan tajuk penuh sebut harga atau nombor sebut harga.